

Harga Kos, Harga Jual, Untung dan Rugi**Harga kos**

- o Harga barang yang diperoleh sebelum dijual kepada orang lain.
- o $\text{Harga kos} = \text{Harga jual} - \text{Untung}$

Harga jual

- o Harga sesuatu barang yang perlu dibayar oleh pembeli.
- o $\text{Harga jual} = \text{Harga kos} + \text{Untung}$

Rugi

- o Nilai wang yang berkurang kerana harga kos lebih tinggi daripada harga jual.
- o $\text{Rugi} = \text{Harga kos} - \text{Harga jual}$

Untung

- o Nilai wang yang diperoleh hasil daripada menjual sesuatu selepas ditolak harga kos.
- o $\text{Untung} = \text{Harga jual} - \text{Harga kos}$

Diskaun, Rebat dan Baucar**Diskaun**

- o Harga atau nilai yang dikurangkan daripada harga atau nilai asal.
- o $\text{Harga selepas diskaun} = \text{Harga asal} - \text{Diskaun}$

Rebat

- o Potongan daripada sejumlah bayaran yang kena dibayar atau pemulangan sebahagian daripada wang selepas membuat bayaran.

Baucar

- o Kepingan kertas kecil yang melayakkan pemiliknya mendapat potongan harga atau boleh ditukar dengan barangan lain.

Invois, Bil, Resit dan Cukai Perkhidmatan**Invois**

- o Senarai barangan atau perkhidmatan serta harganya yang dihantar oleh pembekal kepada pelanggan.

Bil

- o Bil ialah surat keterangan tentang harga barang atau perkhidmatan yang diterima.

Resit

- o Resit ialah penyata rasmi yang menunjukkan bahawa bayaran sudah diterima.

Cukai perkhidmatan (6%)

- o Cukai yang perlu dibayar ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan tertentu seperti restoran.

Faedah dan Dividen

Faedah

- o Sejumlah wang yang diperoleh apabila seseorang menyimpan wang di bank dalam tempoh tertentu.

Dividen

- o Bahagian keuntungan yang diberikan ke atas wang yang dilaburkan untuk perniagaan atau saham.

Aset dan Liabiliti

Aset

- o Apa yang dimiliki seperti wang tunai dan harta benda.
- o Contoh: Wang tunai, rumah, simpanan dan barang kemas.

Liabiliti

- o Tanggungan kewangan dan hutang.
- o Contoh: Pinjaman kereta, pinjaman Pendidikan dan pinjaman perumahan.

Insurans dan Takaful

Insurans	Takaful
Konsep jual beli (Pembeli dan penjual)	Konsep sumbangan (Pencarum dan ejen)
Risiko ditanggung syarikat insurans.	Risiko ditanggung peserta secara kumpulan.
Premium insurans milik syarikat.	Sumbangan milik Dana Takaful. Pengendali Takaful hanya pengurus dana.
Diawasi undang-undang kerajaan.	Diawasi undang-undang syariah dan kerajaan.
Tidak wajib patuh syariah.	Wajib patuh syariah.

Contoh kegunaan insurans dan takaful:

- o Perubatan
- o Perjalanan
- o Kebakaran
- o Kemalangan jalan raya atau kerosakan